



**KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA**

PRINSIP, OBJEKTIF DAN DASAR PEROLEHAN

1. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

a) AKTA TATACARA KEWANGAN 1957 (Disemak 1972)

“Suatu Akta yang diperuntukan bagi **pengawalan dan pengelolaan wang awam Malaysia**, dan bagi acara pengakaunan serta kewangan, termasuk acara bagi pemungutan, penjagaan dan pembayaran wang awam Persekutuan dan Negeri-negeri dan **pembelian**, penjagaan dan pelupusan **harta awam** dan perkara-perkara yang bersangkutan dengannya”.

Seksyen 6(1) Akta Tatacara Kewangan 1957

“ Pengelolaan Kumpulanwang Disatukan Persekutuan dan penyeliaan, pengawalan dan arahan semua perkara berhubung dengan hal ehwal kewangan Persekutuan, yang tidak diserahkan khususnya kepada sesiapa oleh sebarang undang-undang lain hendaklah tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan dan Akta ini, **diletakhak pada Menteri** ”

**b) PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN
PERSEKUTUAN
(P.U.(A) 206 bertarikh 24 Jun 2004)**

Tanggungjawab berkaitan Perolehan Kerajaan

- Menggubal dasar-dasar perolehan Kerajaan
- Menimbang dan meluluskan tender yang dirujuk ke Kementerian Kewangan
- Menimbang dan memutuskan permohonan pengecualian daripada peraturan perolehan Kerajaan
- Memberi khidmat nasihat mengenai perolehan Kerajaan
- Pendaftaran kontraktor bagi bekalan/perkhidmatan dan perunding Kerajaan

c) AKTA PEWAKILAN KUASA 1956 (Disemak 1988)

- memberi kuasa untuk mewakilkan/menurunkan kuasa

d) AKTA KONTRAK KERAJAAN 1949 (Disemak 1973)

- memberi kuasa/membolehkan Menteri-menteri yang berkaitan **mengikat kontrak**
- memberi kuasa/membolehkan Menteri-menteri **menurunkan kuasa** kepada Pegawai Kerajaan mengikat/menandatangani kontrak.

e) ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP)
(AP 166 HINGGA 206 DAN AP 229 HINGGA 300)

- menjelaskan dengan terperinci tatacara kewangan dan perakaunan dalam menguruskan wang awam/kerajaan

f) SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN (SPP)

- dikeluarkan dari semasa ke semasa untuk memperbaiki, melaksana, memaklumkan, menjelaskan dan meminda dasar, peraturan dan tatacara pengurusan kewangan dan tatacara perakaunan

g) PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN (PKP)

- dikeluarkan untuk mengumumkan barangan gunasama yang boleh diperolehi melalui kontrak pusat

h) SURAT ARAHAN PERBENDAHARAAN

- dikeluarkan dari semasa ke semasa untuk menjelaskan dan memperingatkan mengenai peraturan dan tatacara perolehan Kerajaan

2. PRINSIP-PRINSIP PEROLEHAN

- a) Akauntabiliti awam (*public accountability*)
- b) Diuruskan secara telus (*transparent*)
- c) Nilai faedah terbaik (*best value for money*)
- d) Saingan terbuka (*open competition*)
- e) Adil dan saksama (*fair dealing*)

3. OBJEKTIF PEROLEHAN

- i) menguruskan perolehan secara cekap, berkesan dan paling menguntungkan bagi mencapai matlamat perolehan tersebut
- ii) mendapatkan harga yang paling menguntungkan dan berpatutan dengan mengambil kira kualiti, kuantiti dan tempoh penyerahan/siap yang ditetapkan
- iii) menggalakkan pertumbuhan industri tempatan dan penggunaan bahan/barangan/perkhidmatan tempatan

- iv) menggalakkan pemindahan teknologi yang bersesuaian dengan kehendak semasa sektor industri negara
- v) sebagai alat untuk mencapai dasar-dasar nasional

4. DASAR-DASAR PEROLEHAN KERAJAAN

- i) menggalakkan pertumbuhan industri tempatan melalui penggunaan bahan/barangan tempatan dan penggunaan sektor perkhidmatan tempatan
- ii) mempertingkatkan keupayaan industri tempatan melalui pemindahan teknologi
- iii) menggalakkan penglibatan usahawan Bumiputera
- iv) memelihara dan mempertahankan kepentingan dasar perolehan kerajaan bagi mencapai objektif nasional dalam menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi

STRATEGI DAN KAEDAH PELAKSANAAN DASAR PEROLEHAN KERAJAAN

PENDAFTARAN PEMBEKAL/KONTRAKTOR

Semua pembekal dan kontraktor yang ingin berurusan dengan kerajaan perlu berdaftar dengan kerajaan seperti berikut:

Bekalan/
Perkhidmatan

- Kementerian Kewangan

Kerja

- Pusat Khidmat Kontraktor (PKK),
Kementerian Pembangunan
Usahawan dan Koperasi

Lembaga Pembangunan Industri
Pembinaan Malaysia (CIDB)

Objektif Pendaftaran

- i) untuk memastikan hanya syarikat/kontraktor yang berkemampuan sahaja turut serta di dalam perolehan kerajaan
- ii) memudahkan agensi Kerajaan untuk mengenalpasti syarikat/kontraktor yang berdaftar dalam kepala, sub kepala, bidang atau kategori yang ditetapkan
- iii) membolehkan pemantauan ke atas prestasi kontraktor yang terlibat di dalam perolehan kerajaan. Tindakan tatatertib akan dikenakan terhadap kontraktor yang melakukan kesalahan dan gagal memenuhi obligasi kontrak
- iv) membantu kerajaan dalam menggubal dasar perolehan

FAEDAH-FAEDAH PENDAFTARAN

a) Faedah kepada syarikat/kontraktor:

- i) membolehkan syarikat/kontraktor mengambil bahagian dalam urusan perolehan Kerajaan
- ii) syarikat/kontraktor yang berdaftar dikecualikan dikenakan deposit dalam urusan tender Kerajaan
- iii) syarikat/kontraktor yang berdaftar dengan bidang dan bertaraf pembuat akan mendapat keutamaan harga berbanding dengan ejen/pengedar
- iv) syarikat/kontraktor yang berdaftar berpeluang memasarkan barangan/perkhidmatan yang ditawarkan

b) Faedah kepada agensi:

- i) selaras dengan ePerolehan, agensi akan mudah mendapat maklumat mengenai barang-barang dalam pasaran
- ii) memudahkan agensi mengenal pasti syarikat/ kontraktor tempatan
- iii) memudahkan agensi membuat kajian pasaran
- iv) membantu mengurangkan barangan import

PENGGUNAAN BAHAN/BARANGAN/ PERKHIDMATAN TEMPATAN (SPP 7/2002)

- a) Semua perolehan bekalan dan perkhidmatan hendaklah diperolehi secara tempatan
- b) Bahan/barangan keluaran tempatan hendaklah memenuhi Standard Malaysia (MS) atau standard antarabangsa yang diiktiraf
- c) Agensi wajib menggunakan bahan/barangan/perkhidmatan keluaran tempatan yang dinyatakan di dalam senarai:-
 - bahan binaan tempatan (kerja) - IKRAM QA Services Sdn. Bhd.
 - barangan keluaran tempatan (bekalan) - SIRIM QAS Sdn. Bhd.

PEROLEHAN BARANG-BARANG IMPORT

- i) Bahan/barangan import melebihi RM50,000 perlu mendapat kelulusan MITI
- ii) Bahan/barangan yang bernilai melebihi RM200,000 bagi satu kontrak hendaklah dilaksanakan secara *Free On Board (FOB)*
- iii) Menggunakan syarikat perkhidmatan pengangkutan tempatan
- iv) Perlindungan insurans melalui KWIBK

PEMINDAHAN TEKNOLOGI UNTUK INDUSTRI TEMPATAN (SPP 2/1995)

- i) Membantu institusi dan industri tempatan dalam mempertingkatkan kepakaran dalam pelbagai bidang terutamanya yang berteknologi canggih dan terkini
- ii) Lazimnya dilaksanakan melalui program *offset* dengan kerjasama industri tempatan terutama sekali bagi perolehan strategik dan berteknologi tinggi

KEUTAMAAN SYARIKAT BUMIPUTERA DALAM PEROLEHAN KERAJAAN (SPP Bil. 4/95)

- i) Syarikat yang diiktiraf sebagai syarikat Bumiputera: sekurang-kurangnya 51% dikuasai Bumiputera (Saham, Lembaga Pengarah dan Pengurusan)

- ii) Sijil dikeluarkan oleh
 - Kementerian Kewangan - bekalan/perkhidmatan
 - Pusat Khidmat Kontraktor - kerja

Formula pengiraan:

Langkah 1:

$$\begin{aligned} & \text{Harga Tawaran Pembekal Bumiputera (B)} \\ - & \text{Harga Tawaran Pembekal Bukan Bumiputera (BB)} \\ \hline = & \text{Perbezaan Harga (RM)} \end{aligned}$$

Langkah 2:

$$\text{Peratus Perbezaan (\%)} = \frac{\text{Perbezaan Harga}}{\text{Harga Tawaran BB}} \times 100$$

a) Keutamaan Bumiputera Bagi Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan

- i) Melebihi RM10,000 hingga RM100,000 hendaklah diperolehi daripada kalangan syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sahaja
- ii) Melebihi RM100,000 keutamaan harga kepada syarikat Bumiputera

Nilai Perolehan	% Keutamaan
melebihi RM100 ribu – RM500 ribu	10%
melebihi RM500,000 – RM1.5 juta	7%
melebihi RM1.5 juta – RM5 juta	5%
melebihi RM5 juta – RM10 juta	3%
melebihi RM10 juta – RM15 juta	2.5%
melebihi RM15 juta	Tiada

(Keutamaan harga ini adalah berdasarkan kepada nilai tawaran terendah dan boleh diterima dari syarikat Bukan Bumiputera)

Formula pengiraan:

Langkah 3:

Bandingkan % Perbezaan dengan % Keutamaan yang telah ditetapkan

Nilai Perolehan	% Keutamaan
melebihi RM100 ribu – RM500 ribu	10%
melebihi RM500,000 – RM1.5 juta	7%
melebihi RM1.5 juta – RM5 juta	5%
melebihi RM5 juta – RM10 juta	3%
melebihi RM10 juta – RM15 juta	2.5%
melebihi RM15 juta	Tiada

% Perbezaan \leq % Keutamaan : pilih pembekal bumiputera

% Perbezaan $>$ % Keutamaan : pilih pembekal bukan bumiputera

Contoh 1:

Langkah 1:

Harga Tawaran Pembekal Bumiputera (B)	:	RM10,700,000
– Harga Tawaran Pembekal Bukan Bumiputera (BB)	:	
		<hr/>
		RM10,500,000
		<hr/>
= Perbezaan Harga (RM)		RM 200,000

Langkah 2:

$$\begin{aligned} \text{Peratus Perbezaan (\%)} &= \frac{200,000}{10,500,000} \times 100 \\ &= 1.9\% \end{aligned}$$

Contoh 1:

Langkah 3:

Bandingkan % Perbezaan dengan % Keutamaan yang telah ditetapkan

Nilai Perolehan	% Keutamaan
melebihi RM100 ribu – RM500 ribu	10%
melebihi RM500,000 – RM1.5 juta	7%
melebihi RM1.5 juta – RM5 juta	5%
melebihi RM5 juta – RM10 juta	3%
melebihi RM10 juta – RM15 juta	2.5%
melebihi RM15 juta	Tiada

% Perbezaan < % Keutamaan : pilih pembekal bumiputera
(1.9%) (2.5%)

Contoh 2:

Langkah 1:

Harga Tawaran Pembekal Bumiputera (B)	:	RM 5,100,000
– Harga Tawaran Pembekal Bukan Bumiputera (BB)	:	RM
<u>4,900,000</u>		<u>RM 200,000</u>
= Perbezaan Harga (RM)		RM 200,000

Langkah 2:

$$\begin{aligned} \text{Peratus Perbezaan (\%)} &= \frac{200,000}{4,900,000} \times 100 \\ &= 4.08\% \end{aligned}$$

Contoh 2:

Langkah 3:

Bandingkan % Perbezaan dengan % Keutamaan yang telah ditetapkan

Nilai Perolehan	% Keutamaan
melebihi RM100 ribu – RM500 ribu	10%
melebihi RM500,000 – RM1.5 juta	7%
melebihi RM1.5 juta – RM5 juta	5%
melebihi RM5 juta – RM10 juta	3%
melebihi RM10 juta – RM15 juta	2.5%
melebihi RM15 juta	Tiada

Perbandingan berdasarkan harga tawaran pembekal Bumiputera (RM5.1 juta)

% Perbezaan > % Keutamaan : pilih pembekal bukan bumiputera
(4.08%) (3%)

b) Keutamaan Pembuat/Pengilang Bumiputera

- i) Memberi keutamaan kepada syarikat yang bertaraf pembuat/pengilang Bumiputera
- ii) Sekiranya perolehan bekalan dilaksanakan secara terbuka di kalangan pembuat tempatan, keutamaan harga hendaklah diberi kepada pembuat Bumiputera

Nilai Perolehan	% Keutamaan
sehingga RM10 juta	10%
melebihi RM10 juta – RM100 juta	5%
melebihi RM100 juta	3%

(Keutamaan harga ini adalah berdasarkan kepada nilai tawaran terendah dan boleh diterima dari pembuat Bukan Bumiputera)

c) **Keutamaan Bumiputera Untuk Kontrak Kerja**

- i) Kerja-kerja bernilai kurang RM100,000 dikhaskan kepada Bumiputera
- ii) Sekurang-kurangnya 50% bagi projek bernilai RM100,000 hingga RM350,000 dikhaskan untuk ditandingi di kalangan Bumiputera
- iii) 30% dari peruntukan tahunan untuk kerja, dikhaskan kepada Bumiputera
(tidak termasuk kerja-kerja kurang RM100,000)

d) Keutamaan Kerja *Prime Cost Sum*

Keutamaan kepada syarikat Bumiputera bagi kerja *Prime Cost Sum*/Mekanikal/Elektrikal/Pakar

Nilai Perolehan	% Keutamaan
melebihi RM100 ribu – RM500 ribu	10%
melebihi RM500,000 – RM1.5 juta	7%
melebihi RM1.5 juta – RM5 juta	5%
melebihi RM5 juta – RM10 juta	3%
melebihi RM10 juta – RM15 juta	2.5%
melebihi RM15 juta	Tiada

(Keutamaan harga ini adalah berdasarkan kepada nilai tawaran terendah dan boleh diterima dari syarikat Bukan Bumiputera)